

26 JUL 2003

Mahathir-Sikap

MASYARAKAT LUAR BANDAR PERLU AMAL SIKAP AMANAH DAN KERJA KUAT: PM

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang hari ini melancarkan dimensi baru program pembangunan masyarakat luar bandar, meminta golongan itu berpegang teguh kepada sikap amanah dan bekerja keras jika mahu menjadi bangsa berjaya.

Perdana Menteri berkata budaya sedemikian jika diamalkan dalam melaksanakan program-program seperti Gerakan Daya Wawasan (GDW), mampu meningkatkan pendapatan golongan petani di luar bandar yang masih miskin.

Katanya, perkara itu dibuktikan oleh penduduk luar bandar di Thailand, misalnya, yang berjaya melaksanakan program satu kampung satu produk yang juga dijalankan di negara ini.

"Kenapakah di Thailand berjaya tetapi di Malaysia kurang berjaya dan petani-petani masih lagi begitu miskin dan daif dan mengharapkan bantuan sepanjang masa. Takkan kita tak ada satu industri yang boleh diusahakan oleh kita...saya yakin ada banyak," katanya semasa berucap melancarkan GDW di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini hari ini.

GDW merupakan program pengupayaan daripada konsep asal Gerakan Desa Wawasan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada 4 Julai 1996.

Dengan menggunakan akronim yang sama, perkataan `desa' ditukar kepada `daya' untuk meningkatkan motivasi dan daya saing dalam usaha membasmi kemiskinan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid, menteri-menteri dan menteri-menteri besar hadir pada majlis pelancaran itu.

Dr Mahathir berkata ketiadaan nilai-nilai hidup yang baik menyebabkan masyarakat luar bandar kurang memberi sambutan kepada usaha-usaha kerajaan untuk menambahkan pendapatan mereka.

"Kalau kita sambut dan kita berusaha, InsyaAllah kita akan berjaya. Sebenarnya sambutan adalah berkurangan dan sambutan ini kerana sikap kita, kerana budaya kita, budaya di sini bermakna nilai hidup yang dipegang oleh kita dan nilai hidup ini ada yang baik dan ada yang tidak baik," katanya.

Dr Mahathir berkata sikap sedemikian juga membezakan masyarakat luar bandar di negara ini dengan masyarakat luar bandar di Thailand dan Jepun yang lebih bekerja kuat berbanding masyarakat kita yang suka menghabiskan masa bersembang di kedai kopi.

Sambil memberi contoh penanam padi, Dr Mahathir berkata golongan itu tidak bekerja sepanjang tahun dan mempunyai banyak masa terluang yang boleh dihabiskan dengan melibatkan diri dalam industri desa.

"Suruh kerja kuat bukan nak jadikan hamba tapi untuk kebaikan diri sendiri," katanya pada perhimpunan yang dihadiri oleh 10,000 orang wakil penduduk luar bandar, anggota-anggota jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung dari seluruh negara serta agensi-agensi berkaitan.

Beliau berkata walaupun ada yang beranggapan bekerja kuat hanya menguntungkan orang lain yang telah kaya, yang penting hasilnya juga turut dinikmati bersama.

Perdana Menteri berkata amanah pula penting untuk memastikan tugas yang diberi, dilaksanakan dengan baik.

"Tak ada amanah apabila diberi sesuatu tugas kita cuai, kita tidak menjalankan ia dengan sempurna. Dalam masyarakat yang seperti itu tidak ada sesuatu yang boleh berjaya, fikirkanlah kalau kita beri arahan kepada pegawai kerajaan untuk membuat sesuatu, dia ini cuai, dia tidak menolong

petani, tentulah petani merasa kecewa kerana pegawai yang ditugaskan ini tidak menjalankan tugas yang diamanahkan kepadanya," katanya.

Dr Mahathir berkata memang ada cara mudah untuk menjadi kaya seperti menipu tetapi ia akan menyebabkan seseorang itu kerugian di kemudian hari.

"Oleh itu kalau kerajaan adakan satu rancangan, sambutlah rancangan ini dengan baik. Gerakan Daya Wawasan ini adalah satu lagi usaha kita menumpukan kepada cara-cara yang akan mendatangkan banyak manfaat kepada kita," katanya.

Perdana Menteri berkata masyarakat di negara ini boleh berjaya asalkan berpegang kepada nilai-nilai yang mulia terutamanya amanah dan bekerja kuat.

Dr Mahathir berkata dalam pada itu, rakyat juga tidak harus lupa berterima kasih kepada kerajaan yang banyak membantu dan menolak bulat-bulat hasutan pihak

-pihak tertentu yang berkata rakyat tidak harus berterima kasih kepada kerajaan sebaliknya hanya bersyukur kepada tuhan.

Sikap sedemikian, kata beliau, umpama tidak bersyukur kepada orang yang telah menyelamatkan kita.

"Kita berterima kasih kepada kerajaan yang telah menolong kita dan bersyukur kepada Tuhan. Apa salahnya berterima kasih kepada kerajaan yang telah menyelamatkan kita," katanya.

-- BERNAMA

NM AZZ MOZ